



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Datin Seri Dr. Hasmah di pameran kraftangan

ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Hasmah (kiri) meneliti beg dibuat dari kain baldu dan dihias dengan sulaman "tekat", di satu sidang akhbar mengenai hasil-hasil kraftangan wanita di Yayasan Selangor, Kuala Lumpur, semalam.

Memerhatikan ialah Timbalan Ketua Pengarah KEMAS, Datin Dr. Halimah.

Dalam sidang akhbar itu, Datin Seri Dr. Hasmah mengumumkan bahawa sebuah organisasi untuk memasarkan hasil-hasil kraftangan wanita akan dilancarkan 1 Disember ini bertujuan untuk menyediakan satu saluran pemasaran bagi hasil-hasil kraftangan dan barang-barang buatan sendiri.

Menurut beliau, di majlis pelancaran itu nanti, berbagai jenis hasil kraftangan seperti sulaman, kaitan, ukiran batik, serta kerjatangan dari hasil mengkuang akan dipamerkan.

Pelancaran majlis tersebut akan diadakan di bangunan Karyaneka, yang terletak di Jalan Raja Chulan. — Gambar Berita Harian.